

26/05/1998

Tiada aduan kilang henti pekerja

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Isnin - Kerajaan Selangor tidak menerima sebarang aduan mengenai kilang yang terpaksa menghentikan pekerja atau menutup operasi berikutan kegawatan sekarang, kata Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar.

Menurutnya, masalah air dan kegawatan ekonomi yang dihadapi kini belum menjejaskan operasi kilang di Selangor.

Malah, katanya, catuan air yang dilaksanakan di beberapa daerah di Selangor sekarang tidak membabitkan sektor perkilangan.

Menurutnya, kerajaan negeri sudah memberi jaminan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa masalah kegawatan air tidak akan menjejaskan operasi kilang di Selangor.

"Memang kita ada menerima aduan satu dua kilang yang menghadapi masalah kekurangan air dan memohon untuk mendapatkan bantuan bekalan air.

"Oleh itu, saya meminta kilang yang menghadapi masalah sebegini membuat laporan segera kepada kerajaan negeri dan kita akan menghantar bantuan air serta berbincang langkah mengatasi masalah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sambutan ke-10 tahun Matsushita Television Co (Malaysia) Sdn Bhd di sini, hari ini.

Abu Hassan berkata, kerajaan negeri sedia membantu syarikat yang menghadapi masalah berikutan kegawatan air dan ekonomi yang sedang dihadapi.

"Bagaimanapun, buat masa ini saya tidak menerima laporan ada syarikat atau kilang yang memberhentikan pekerja, menutup operasi atau mengurangkan masa pengeluaran disebabkan krisis air," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Hashim Meon, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Mesyuarat Krisis Air, berkata keputusan terhadap contoh air tasik dijangka siap dua tiga minggu lagi.

Ketika ini, air yang diambil dari tasik hanya diagihkan untuk kegunaan sektor perkilangan.

Terdahulu, Abu Hassan berkata, kerajaan negeri sedang menimbangkan untuk menjalankan kerjasama dengan sektor swasta bagi mewujudkan persefahaman membantu pekerja mahir di Selangor.

Sehubungan itu, kerajaan negeri mempelawa syarikat multinasional bekerjasama melatih pekerja mahir dari luar bandar untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian, terutama di Lembah Klang.

"Buat permulaan kerajaan negeri bercadang untuk membina sekolah vokasional di Kuala Selangor sebagai pusat latihan untuk melatih pekerja mahir dari luar bandar untuk meningkatkan kemahiran masing-masing," katanya.

(END)